



Faculty of Language and Communication

**RESPONS PUJIAN DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI
MALAYSIA SARAWAK BERDASARKAN GENDER**

Muhammad Syukarmie bin Hang Tuah

**Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik)
dengan Kepujian Universiti Malaysia
Sarawak**

2022

RESPONS PUJIAN DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK BERDASARKAN GENDER

Muhammad Syukarmie bin Hang Tuah

Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk Sarjana Muda Sastera dalam Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Global dengan Kepujian / Sarjana Muda Sastera dalam Linguistik

*A final year project report submitted in partial fulfilment of the requirements for Bachelor of Arts in English
Global Communication with Honours/Bachelor of Arts in Linguistics*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2022

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan/*Please tick*

(√)

Projek Tahun Akhir/

Final Year Project

Sarjana/*Masters*

PhD

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA
DECLARATION OF ORIGINAL WORK

Perakuan ini telah dibuat pada 4 Jun, hari Sabtu 2022.

This declaration is made on the 4 June day of Saturday 2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya Muhammad Syukarmie bin Hang Tuah, 70644, Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Respons Pujian Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak Berdasarkan Gender adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

Student's Declaration:

I Muhammad Syukarmie bin Hang Tuah, 70644, Faculty of Language and Communication hereby declare that the work entitled Compliment Response Among University Malaysia Sarawak Student Based on Gender is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

6 Jun 2022
Tarikh serahan
Date submitted

Muhammad Syukarmie (70644)
Nama pelajar (No. matrik)
Name of the student (Matric No.)

Pengesahan Penyelia:

Supervisor's Declaration:

Saya Dr Wan Robiah Bt Meor Osman dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Respons Pujian Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak Berdasarkan Gender telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) Dengan Kepujian, dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

*I, Dr Wan Robiah Bt Meor Osman hereby certifies that the work entitled Compliment Response Among University Malaysia Sarawak Student Based On Gender was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of Bachelor of Arts in Linguistics with Honor, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.*

Diterima untuk pemeriksaan oleh: Dr Wan Robiah Bt Meor Osman Tarikh:
Received for examination by: Dr Wan Robiah Bt Meor Osman Date:

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)):
I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
 TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
 AKSES TERBUKA

Pengesahan Projek / Tesis *Validation of Project/Thesis*

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- *This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan bagi tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan tesis ini untuk Kandungan Pangkalan Data Tempatan.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.*

Tandatangan Pelajar/*Student's signature:*



(4 Jun 2022)

Tandatangan Penyelia/*Supervisor's signature:*



(6 Jun 2022)

Alamat semasa pelajar/*Current address of student:* Jalan Dato Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

*Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as an annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.*

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]
[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Projek Tahun Akhir saya, iaitu Dr Wan Robiah Bt Meor Osman kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, pendapat dan pertolongan dalam memperbetulkan kesilapan saya dalam penulisan, pendapat sendiri, dan juga idea. Perasaan yang paling bersyukur apabila penyelia tidak memberikan tekanan terhadap projek yang dijalankan terutamanya waktu pertama kali bersemuka dalam talian membincangkan idea kertas cadangan saya yang tidak sesuai. Beliau secara perlahan-lahan dan satu per satu memperbetulkan serta memberikan idea yang lebih bernas dan baik untuk saya jalankan. Tajuk dan gambaran awal tentang kajian yang beliau cadangkan dapat saya bayangkan dengan mudah berkat pertolongan beliau.

Kedua, saya ingin berterima kasih kepada responden yang telah membantu saya menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Jawapan dan maklum balas yang mereka berikan kepada saya sangat membantu kajian yang sedang dibuat. Projek Tahun Akhir 2 mungkin saya terpaksa tangguhkan sekiranya tiada pertolongan mereka yang memberikan maklum balas.

Ketiga, saya ingin berterima kasih kepada ibu bapa saya kerana banyak memberikan kata semangat dan membina jati diri saya untuk terus teguh dalam menjalankan kajian ini. Pada saat saya hampir mengalah dengan Projek Tahun Akhir 2, mereka memberikan sokongan moral dan menjadi kekuatan untuk meneruskan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya dari UNIMAS yang banyak membantu. Mereka memberikan tenaga dan usaha dalam membantu saya mengedarkan borang soal selidik secara dalam talian untuk mencukupkan bilangan responden. Bagi rakan di luar UNIMAS, saya juga berterima kasih kerana memberikan sokongan moral dan semangat ketika bilangan responden sangat perlahan untuk mencapai sasaran yang diperlukan.

ABSTRAK

Respons yang diberikan oleh penerima pujian menjadi tumpuan utama dalam melihat adab, budaya dan peribadi mereka. Generasi muda masa ini mengalami transisi zaman yang banyak mengubah mereka. Maka, kajian ini dijalankan bertujuan untuk untuk mengkaji dan menganalisis perbandingan respons mahasiswa UNIMAS berdasarkan gender terhadap strategi pujian yang diberikan. Pengkaji meletakkan dua objektif, iaitu mengenal pasti dan mengklasifikasikan lakuan respons mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak berdasarkan Herbert (1990) dan menganalisis perbezaan respons terhadap pujian dalam kalangan mahasiswa lelaki dan mahasiswa perempuan UNIMAS. Kajian ini merupakan kajian deskriptif kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik yang menyenaraikan 20 soalan dan memerlukan responden sebanyak 100 orang mahasiswa lelaki dan 100 orang mahasiswa perempuan UNIMAS Tahun 3. Pengkaji mendapati mahasiswa UNIMAS Tahun 3 kerap memberi respons dengan menerima pujian atau bersetuju dengan pujian yang diberikan kepada mereka. Berdasarkan gender pula, kedua-dua gender mahasiswa UNIMAS memberikan kategori respons yang sama, iaitu kategori penerimaan atau bersetuju dengan pujian dengan peratusan masing-masing 81.25% dan 85.30%. Berdasarkan dapatan, pengkaji menyimpulkan tidak terdapat perbezaan cara mahasiswa memberikan respons terhadap pujian.

Kata kunci: lakuan respons pujian, perbezaan respons berdasarkan gender

ABSTRACT

The responses that given to the recipients became the main focus to observe their manners, culture, and personality. Nowadays, young generation is going through an era transition that has changed them a lot. Therefore, this study was conducted to study and analyze the comparison of UNIMAS student based on their gender to the compliment strategy given. Researcher set two objectives which is to identify and classify the response behavior of University Malaysia Sarawak's student based on Herbert (1990) and analyze the differences in response to compliment among male and female students of UNIMAS. This study is a quantitative descriptive study that use a questionnaire instrument that lists 20 questions and requires respondents of 100 males students and 100 female students of UNIMAS Year 3. Researcher found that UNIMAS Year 3's students often respond by accepting compliment or agreeing with the compliment that given to them. Based on gender, both genders of UNIMAS students gave the same response category which is the category of acceptance or agreeing with compliment with percentages of 81.25% and 85.30% respectively. Based on the finding, researcher concluded that there was no difference in the way students response to compiment.

Keyword: *compliment response behavior, gender – based response differences*

JADUAL KANDUNGAN

<i>PENGISYTIHARAN KEASLIAN HASIL KERJA</i>		iv
<i>PENGHARGAAN</i>		vii
<i>ABSTRAK</i>		viii
<i>ABSTRACT</i>		ix
<i>SENARAI JADUAL</i>		xii
CHAPTER/BAB		
BAB 1: PENGENALAN		
1.1	<i>PERMASALAHAN KAJIAN</i>	1
1.2	<i>TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN</i>	3
1.3	<i>DEFINISI OPERASI</i>	3
1.4	<i>KEPENTINGAN KAJIAN</i>	5
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR		
2.0	<i>PENGENALAN BAB 2</i>	7
2.1	<i>MEDIUM KONVENSIONAL</i>	7
2.2	<i>MEDIUM ALTERNATIF</i>	15
2.3	<i>SINTESIS</i>	19
2.4	<i>RUMUSAN BAB 2</i>	22
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.0	<i>PENGENALAN BAB 3</i>	23
3.1	<i>REKA BENTUK KAJIAN</i>	23
3.2	<i>RESPONDEN</i>	23
3.3	<i>INSTRUMEN</i>	23
3.4	<i>PROSEDUR PENGUMPULAN/PENGUTIPAN DATA</i>	24

3.5	<i>PROSEDUR ANALISIS DATA</i>	25
3.6	<i>BATASAN KAJIAN</i>	28
3.7	<i>RUMUSAN BAB 3</i>	28
<i>BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN</i>		
4.0	<i>PENGENALAN BAB 4</i>	30
4.1	<i>LAKUAN RESPONS MAHASISWA UNIMAS BERDASARKAN HERBERT (1990)</i>	30
4.2	<i>PERBANDINGAN PERBEZAAN RESPONS TERHADAP PUJIAN DALAM KALANGAN MAHASISWA LELAKI DAN MAHASISWA PEREMPUAN UNIMAS.</i>	40
4.3	<i>PERBINCANGAN</i>	45
4.4	<i>RUMUSAN BAB 4</i>	46
<i>BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN</i>		
5.0	<i>PENGENALAN BAB 5</i>	47
5.1	<i>RUMUSAN</i>	47
5.2	<i>KESIMPULAN</i>	49
5.3	<i>RUMUSAN BAB 5</i>	50
<i>RUJUKAN</i>		51

SENARAI JADUAL

Jadual	Kandungan	Muka Surat
1	Demografi pelajar	24
2	Respons mahasiswa UNIMAS terhadap pujian	25
3	Taksonomi Respons Pujian Herbert (1990)	27
4	Data respons pujian mengikut gender berdasarkan taksonomi Herbert (1990)	28
5	Klasifikasi respons berdasarkan Taksonomi Herbert (1990)	33
6	Respons klasifikasi 1 berdasarkan Manes dan Wolfson (1981)	37
7	Respons klasifikasi 2 berdasarkan Manes dan Wolfson (1981)	38
8	Respons klasifikasi 3 berdasarkan Manes dan Wolfson (1981)	39
9	Data respons pujian mengikut gender berdasarkan Taksonomi Herbert (1990)	40

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Permasalahan Kajian

Pujian merupakan tingkah laku dalam menghargai seseorang berdasarkan aspek-aspek tertentu. Menurut Searle (1983), pujian sering digunakan oleh seseorang untuk menghargai orang lain. Perkara ini mencakup penghargaan ke atas rupa fizikal, sikap, keperibadian dan keterampilan. Menurut Wolfson (2003) pula, pujian merupakan cara atau medium yang digunakan dalam tingkat sosial yang berkeupayaan untuk menciptakan dan mempertahankan sesebuah hubungan. Melalui pujian, individu di sekeliling kita akan rasa selesa dan yakin dengan diri sendiri. Bagi Holmes (1986) pula, pujian merupakan satu lakuan tutur secara eksplisit dan tersirat mengaitkan kredit kepada seseorang berdasarkan aspek-aspek baik yang dinilai secara positif oleh penutur kepada pendengar. Maka, jelaslah bahawa pujian merupakan salah satu kesantunan berbahasa positif yang mengungkapkan niat baik antara penutur dengan pendengar.

Bagi masyarakat Melayu sendiri, amalan strategi pujian merupakan satu perkara yang tidak asing lagi dalam budaya berkomunikasi dan kesantunannya. Lakuan bahasa pujian merupakan salah satu lakuan bahasa yang dikenal pasti berupaya untuk melancarkan komunikasi.

Namun begitu, dalam masyarakat Melayu dan bangsa lain di Malaysia, amalan rendah diri sangat diamalkan dalam berbahasa dan memberi maklum balas, iaitu dengan memberikan respons yang dialihkan kepada perkara lain. Kebanyakan masyarakat di Malaysia mengamalkan budaya merespons dengan menolak pujian yang diberikan kepada mereka sebagai tanda kesantunan dan adab. Kajian oleh AB Rahman dan Yusof (2017) yang melihat tutur lakuan penolakan yang digunakan oleh generasi muda Melayu dalam komunikasi. Berdasarkan dapatan dan analisis kajian ini, generasi muda Melayu lebih cenderung untuk merespons dengan strategi penolakan secara tidak langsung berbanding secara langsung terhadap ajakan atau pujian. Melalui dapatan ini, jelas menunjukkan budaya dan adab kesantunan dalam merespons

terutamanya menolak sesuatu sememangnya diamalkan oleh masyarakat di Malaysia terutamanya masyarakat Melayu.

Maka, kajian ini dijalankan untuk melihat kesantunan respons yang diberikan oleh mahasiswa universiti. Hal ini demikian kerana komuniti kita suka menerima dan dipuji oleh individu lain. Penggunaan strategi pujian dalam kajian ini amat menarik untuk dikaji. Hal ini demikian kerana kebanyakan kajian menunjukkan responden atau subjek tidak memberikan maklum balas secara langsung tetapi mengalihkan pujian yang diberikan kepada benda lain. Jika disebut dalam bahasa mudahnya, menolak pujian yang diberikan sebagai tanda merendah diri yang diamalkan sebagai budaya di Malaysia dalam kalangan masyarakat kita. Pengkaji ingin melihat sekiranya amalan kesantunan dalam merespons atau lakuan respons menolak diterapkan oleh mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak terhadap pujian yang diberikan kepada mereka.

Kebanyakan kajian juga melihat dan fokus kepada respons yang diberikan oleh kaum a t a u bangsa terhadap pujian seperti kajian oleh Syahrianti dan Nurlaela (2019), Muh Ardian (2016) dan sebagainya. Pengkaji ingin melihat kecenderungan respons yang diambil oleh mahasiswa berdasarkan kerangka Herbert (1990). Terdapat sifat ingin tahu dalam diri pengkaji sekiranya ada perbezaan respons yang diberikan dan kecenderungan respons oleh mahasiswa lelaki dan perempuan. Kajian-kajian lain juga menunjukkan respons yang diberikan oleh responden dan subjek tidak diambil secara terus atau langsung tapi secara berlapis sebelum menerima pujian.

Maka, disebabkan kurang kajian berasaskan gender, pengkaji memilih untuk mengkaji perbandingan respons terhadap pujian yang diberikan kepada mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak melalui kecenderungan mereka berdasarkan kerangka Herbert (1990).

1.2 Tujuan dan Objektif Kajian

1.2.1 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis perbandingan respons mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak berdasarkan gender terhadap strategi pujian yang diberikan.

1.2.2 Objektif Kajian

Pengkaji menetapkan dua objektif bagi kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti dan mengklasifikasikan lakuan respons pujian mahasiswa UNIMAS berdasarkan Herbert (1990).
2. Menganalisis perbezaan respons terhadap pujian dalam kalangan mahasiswa lelaki dengan mahasiswa perempuan UNIMAS.

1.3 Definisi Operasi

1.3.1 Lakuan Respons Pujian

Lakuan merujuk kepada bentuk bahasa seseorang yang diwujudkan dalam pelbagai bentuk (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Respons pula merujuk kepada tindak balas menjawab persoalan atau tingkah laku yang diujarkan secara langsung atau tidak langsung (Kartono, 2014). Pujian didefinisikan sebagai kata-kata yang digunakan untuk memuji seseorang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Maka, lakuan respons pujian merujuk kepada kepelbagaian bentuk bahasa seseorang ketika memberikan tindak balas kepada kata-kata pujian yang diberikan. Berdasarkan konteks kajian, lakuan respons pujian mahasiswa diambil kira untuk melihat perbezaan respons yang diberikan.

1.3.2 Gender

Gender bermaksud karakter lelaki dan perempuan yang berbeza berdasarkan sosial budaya. Perkara ini dikaitkan dengan sifat, status, posisi dan peranannya dalam masyarakat. Gender didefinisikan sebagai jenis kelamin sosial masyarakat dalam menentukan peranan sosial berdasarkan kelamin (Muhtar, 2002). Jika dilihat dari sudut sains, gender merujuk kepada prokreasi dan reproduksi secara biologi, iaitu kehadiran sel sperma, ovari, rahim dan sebagainya. Menurut Abdullah (2004) jenis kelamin membawa ciri secara biologi yang bersifat bawaan, kekal, dan tidak dapat ditukar. Gender juga merujuk kepada maskulin, feminine dan neuter (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Sifat yang ada pada gender ialah kuat, rasional, lemah lembut, emosional dan sebagainya. Lelaki digambarkan sebagai maskulin yang kuat dan rasional manakala perempuan pula lemah lembut dan emosional. Namun, Hadiati (2010) berpendapat bahawa sifat itu merupakan ciri-ciri yang boleh ditukarkan. Gender juga boleh ditakrifkan sebagai cara persepsi atau cara pandang manusia terhadap lelaki atau perempuan yang bukan didasari dengan perbezaan jenis kelamin secara biologi (Hajir, 2020). Kajian ini dijalankan bagi melihat sekiranya gender mempengaruhi cara respons terhadap pujian yang diberikan kepada mahasiswa UNIMAS.

1.3.3 Mahasiswa

Mahasiswa merujuk kepada individu yang sedang belajar dalam satu bidang tertentu pendidikan. Menurut Hartiji (2012), mahasiswa merujuk kepada seseorang yang sedang dalam proses menimba ilmu dan berdaftar sedang menjalani pendidikan pada salah satu bentuk perguruan tinggi yang terdiri daripada akademik, politeknik, sekolah tinggi, institut, dan universiti. Menurut Siswoyo (2007) pula, mahasiswa didefinisikan sebagai individu yang sedang menuntut ilmu di tingkat tinggi sama ada peringkat kerajaan ataupun swasta. Mahasiswa ini dilihat dan dinilai sebagai individu yang mempunyai intelektual yang tinggi, kecerdasan dalam berfikir dan teratur dalam bertindak. Mereka juga berfikiran kritis dan bertindak dengan cepat serta tepat. Berdasarkan konteks kajian, mahasiswa yang dirujuk ialah

mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang terdiri daripada pelajar Tahun 3 yang dinilai strategi responsnya terhadap pujian.

1.3.4 Herbert (1990)

Taksonomi respons yang dikemukakan oleh Herbert pada tahun 1990 telah memecahkan bentuk respons kepada tiga bahagian utama, iaitu persetujuan, tidak bersetuju, dan interpretasi lain. Kategori respons bersetuju terdiri daripada enam jenis, iaitu penerimaan penghargaan, penerimaan dengan komen, penambahan pujian, komen sumber objek, pengalihan pujian, dan penyetaraan pujian. Bagi kategori respons tidak bersetuju pula terdiri daripada lima jenis, iaitu menidakkan pujian, mempersoalkan, tidak menyetujui pujian, penerimaan separa dan tidak mengendahkan pujian. Kategori terakhir iaitu interpretasi lain mempunyai satu jenis respons sahaja, iaitu meminta tafsiran. Taksonomi respons pujian Herbert (1990) digunakan sebagai panduan dalam mengklasifikasikan respons yang diberikan mahasiswa UNIMAS terhadap pujian.

1.4 Kepentingan Kajian

Perbezaan gender sering kali dikatakan mempunyai perbezaan persepsi atau pandangan. Kajian yang dijalankan oleh Che Othman dan Abdullah (2018) menyatakan bahawa ada perbezaan respons yang diberikan oleh lelaki dan perempuan. Maka, melalui kajian ini, akan ada tanggapan atau pendapat baru yang melihat gender mempengaruhi cara merespons.

Kajian ini juga memberikan kepentingan kepada ilmu pragmatik. Hal ini demikian kerana kita dapat melihat teori-teori lakuan tutur dengan lebih jelas. Kajian ini dapat menambah lebih banyak ilmu dalam bidang pragmatik memandangkan kajian ke atas gender kurang dijalankan terutamanya dalam kalangan mahasiswa universiti. Maka, dengan penulisan kajian ini dapat menambahkan perkara baru yang boleh dijadikan gambaran ataupun pendapat tambahan dalam bidang ini.

Seterusnya, kajian ini akan memberikan manfaat kepada pembaca dan juga masyarakat serta

pelajar sendiri. Hal ini demikian kerana kajian ini akan memberikan dan menambah pengetahuan mereka terutamanya yang mempelajari bidang linguistik dan cabang pragmatik. Kajian ini bukanlah memberikan gambaran buruk atau menanam stereotaip busuk kepada masyarakat atau pembaca tetapi lebih kepada memberikan pengetahuan dan ilmu baru bahawa latar belakang memberikan pengaruh ke atas cara respons seseorang.

Akhir sekali, kajian ini akan menjadi pelengkap baru dan penambah kepada kajian -kajian lepas. Maka, yang mendapat manfaat semestinya pengkaji-pengkaji baru yang akan meneruskan atau menambahkan ilmu atau perkara baru dalam bidang ini terutamanya kajian ke atas lakuan tutur respons. Kajian ini akan sedikit sebanyak memberikan gambaran dan pendapat kepada pengkaji baru.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan Bab

Kajian-kajian mengenai respons pujian telah banyak dijalankan. Bahagian ini membincangkan mengenai kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas yang berkaitan dengan kajian. Terdapat juga sintesis yang mengandungi kelompongan dalam kajian-kajian ini.

2.1 Medium Konvensional

2.1.1 Respons Pujian Berdasarkan Kaum/Budaya

Kajian ini dijalankan oleh Triana dan Aman (2011) yang bertujuan untuk melihat lakuan respons menolak dalam kalangan generasi muda Minangkabau moden yang menunjukkan trend generasi muda kini. Trend ini disebut sebagai budaya popular (Triana & Aman, 2011). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menjalankan kaedah etnografi, iaitu pemerhatian, temu bual dan etnopragmatik. Pengkaji menganalisis dapatan secara kualitatif dilengkapi dengan analisis kuantitatif. Berdasarkan dapatan kajian, generasi muda Minangkabau menunjukkan bahawa leksikon, kod dan strategi menolak yang digunakan mempunyai variasi dan kebervariasiaan itu berkait rapat dengan budaya interaksi sosial Minangkabau. Pengamalan lakuan tutur dalam kalangan generasi muda Minangkabau menjadi satu cerminan budaya dalam pertuturan mereka sebagai lakuan sosial dan lakuan linguistik (Triana & Aman, 2011). Pengkaji juga melihat perbezaan lakuan tuturan menolak antara lelaki dan perempuan. Pengkaji mendapati perempuan lebih cenderung ke arah budaya yang lebih dominan. Pemeliharaan dan pemertahanan kesantunan berbahasa boleh dilihat melalui respons lelaki berbanding perempuan generasi muda Minangkabau. Pengkaji menyimpulkan bahawa amalan generasi muda Minangkabau dalam lakuan tutur menolak dan perilaku sosial dipengaruhi oleh budaya dominan.

Kajian ini dijalankan oleh Asmianti (2013) yang bertujuan untuk mengenal pasti kategori dan jenis respons pujian yang digunakan oleh suku Bugis di Bone yang dilihat dari segi umur, gender dan taraf pendidikan. Kategori strategi respons pujian menggunakan kategori yang dicadang

oleh Pomerantz (1978) dan Herbert (1989). Pengkaji menggunakan metod kualitatif, iaitu melakukan wawancara, observasi dan temu bual. Responden pula terdiri daripada 80 orang masyarakat Bugis yang dibahagikan kepada 8 kumpulan berdasarkan pemboleh ubah seperti umur (tua, dewasa, & remaja), gender (lelaki & perempuan) dan taraf pendidikan (non -pendidikan, sekolah menengah, & sekolah dasar). Temu bual direka dengan menanyakan 25 situasi pujian dan responden perlu merespons pujian yang diberikan. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati kategori respons pujian yang biasa digunakan oleh masyarakat Bugis ialah tidak bersetuju atau menolak pujian dengan merendahkan pujian yang diberikan. Pengkaji mendapati sebanyak 320 atau 16% respons ini diberikan oleh 2000 responden. Bagi pemboleh ubah tua, lelaki, perempuan, non -pendidikan dan sekolah menengah kebanyakannya memilih tidak bersetuju atau menolak. Pengkaji menyimpulkan bahawa latar belakang mempengaruhi respons suku Bugis terhadap pujian.

Tinjauan literatur seterusnya ialah konferensi linguistik tahunan Atma Jaya yang ke-14 yang ditulis oleh Kurniawan pada tahun 2016. Tajuk konferensi ini ialah kesantunan wanita suku kaum Sasak dalam merespons pujian bahasa Sasak. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat bentuk respons pujian dan prinsip kesantunan dalam respons yang digunakan oleh wanita suku kaum Sasak. Pengkaji telah menerapkan kerangka Herbert (1990) dalam kajian. Kurniawan (2016) telah menjalankan kajian dengan menyediakan instrumen Discourse Completing Test (DCT). Sebanyak 20 soalan disediakan untuk ditanyakan kepada 30 orang wanita suku kaum Sasak yang berusia anggaran 17 sehingga 40 tahun. Data yang telah dikumpulkan akan dianalisis menggunakan Teori Kerangka Herbert (1990) dan Prinsip Kesantunan Leech (1983). Bagi bahagian dapatan, pengkaji Kurniawan (2016) menyimpulkan bahawa respons menerima pujian kebiasaannya dilakukan sekiranya wujud hubungan baik atau akrab antara penutur dengan pendengar. Respons menolak pujian pula berlaku apabila hubungan antara penutur dengan pendengar tidak begitu akrab atau tidak begitu kenal walaupun dalam situasi formal atau informal. Bagi respons berbentuk gabungan pula, digunakan dengan orang yang dikenali dan dalam situasi informal. Kurniawan (2016) menyimpulkan bahawa wanita suku kaum Sasak merespons pujian dengan tiga cara, iaitu menerima

pujian, menolak pujian dan gabungan keduanya.

Kajian yang dijalankan oleh M. Nawir dan Nurlaela (2019) bertujuan untuk mendeskripsikan topik pujian, strategi dalam menanggapi pujian, dan pengaruh kedekatan terhadap pujian pada masyarakat suku Saluan di Kecamatan Nambo. Tiga objektif yang disenaraikan, iaitu untuk mengetahui topik yang digunakan oleh masyarakat suku Saluan di Kecamatan Nambo dalam memberi pujian. Objektif kedua ialah untuk mengetahui strategi yang digunakan masyarakat suku Saluan dalam menanggapi pujian. Objektif terakhir ialah untuk mengetahui faktor kedekatan kontribusi dalam pujian pada masyarakat suku Saluan. Pengkaji telah menganalisis data yang diperoleh menggunakan model Miles dan Huberman (Sugiyono, 2012). Kerangka Herbert (1989) digunakan untuk mengkategorikan data respons pujian. Kajian ini telah menggunakan kaedah pendekatan kualitatif yang menerapkan reka bentuk deskriptif pada kajian. Pengumpulan data oleh pengkaji dijalankan melalui pemerhatian, wawancara dan catatan lapangan. Berdasarkan hasil kajian, data-data menunjukkan suku Saluan lebih cenderung ke arah jenis meningkatkan pujian dalam merespons pujian orang lain. Bagi klasifikasi Herbert (1986) yang merujuk taksonomi respons pujian pula, 71% masyarakat suku Saluan memilih untuk menerima pujian, 26% menolak pujian, dan 3% interpretasi lain. Bagi objektif terakhir, iaitu pengaruh kedekatan terhadap respons pujian. Pengkaji M. Nawir dan Nurlaela (2019) menyimpulkan bahawa ada satu faktor yang mempengaruhi respons pujian suku Saluan, iaitu hubungan kedekatan antara penutur dengan pendengar. Sekiranya pujian yang diberikan memiliki hubungan emosional yang baik, maka respons yang diberikan diterima. Berbeza pula dengan pendengar yang tidak mempunyai hubungan rapat, mereka kebanyakannya menolak pujian yang diberikan. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi respons pujian seperti usia dan gender. M. Nawir dan Nurlaela (2019) menyatakan bahawa remaja dan dewasa sering kali menerima pujian manakala golongan warga emas cenderung menolak pujian. Bagi gender pula, perempuan dilihat lebih senang memuji dan dipuji berbanding lelaki. M. Nawir dan Nurlaela (2019) menyimpulkan masyarakat suku Saluan lebih cenderung memuji penampilan dan merespons pujian dengan menerima pujian.

2.1.2 Respons Pujian Mahasiswa.

Kajian oleh Rosi Rosiah (2004) dijalankan bertujuan untuk mengetahui cara pelajar bahasa Jepun di Tingkat IV Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) merespons pujian yang diberikan dalam bahasa Jepun. Rosiah (2004) telah menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan dapatan kajian. Responden yang dipilih merupakan mahasiswa jurusan pendidikan bahasa Jepun UPI tingkat 4 Pengkaji telah menyediakan satu ujian, iaitu Discourse Completion Test (DCT) yang terdiri daripada 18 situasi antara penutur dengan beberapa lawan bicara. Responden perlu mengisi jawapan dengan respons mereka sendiri berdasarkan pujian yang diberikan seperti hari-hari biasa. Bagi analisis dapatan, Rosiah (2004) mengklasifikasikan data kepada beberapa kategori. Kategori yang digunakan berdasarkan kategori yang dikemukakan oleh Kosatianwon Sajan (2003) berdasarkan pertimbangan kualitatif. Seramai 20 orang dipilih menggunakan metod persampelan bertujuan. Berdasarkan dapatan kajian Rosiah (2004), kategori tuturan respons pujian yang paling banyak ialah menerima pujian, iaitu sebanyak 43% diikuti dengan kategori penolakan sebanyak 31% dan paling sedikit, iaitu menghindar pujian sebanyak (25.6%). Dapatan seterusnya menunjukkan strategi tuturan yang paling banyak digunakan ialah ungkapan tidak setuju dengan pujian sebanyak (31.4%) diikuti ungkapan terima kasih sebanyak 30.8%. Rosiah (2004) menyimpulkan bahawa mahasiswa bahasa Jepun lebih cenderung menggunakan respons menerima pujian yang dikatakan bersesuaian dengan kesantunan apabila menerima pujian. Bagi pengkaji, perkara ini dianggap sebagai *positive face* lawan bicara.

Kajian ini dijalankan oleh Wan Robiah (2015) yang bertujuan meneliti respons terhadap pujian yang diberikan kepada mahasiswa universiti. Pengkaji menggunakan klasifikasi oleh Mane dan Wolfson (1981) dalam membentuk pujian. Taksonomi Herbert (1986, 1990) pula digunakan untuk menganalisis data mengenai respons pujian oleh mahasiswa. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah instrumen soal selidik yang diagihkan kepada 720 orang respons dan 60 daripadanya merupakan mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Berdasarkan dapatan, pengkaji mendapati terdapat perbezaan respons yang diberikan oleh

mahasiswa pelbagai kaum dalam memberi tindak balas terhadap pujian. Mengikut konsep *bohong sosial*, kaum Melayu dilihat lebih cenderung untuk bersikap tidak berterus terang dalam merespons berbanding kaum lain. Hal ini demikian kerana perkara ini merupakan kelaziman berbahasa dalam komuniti di Malaysia terutamanya kaum Melayu (Wan Robiah, 2015). Walaupun begitu, modenisasi serba sedikit mengubah cara respons responden yang kini lebih ke arah menerima pujian berbanding menolak pujian. Penolakan pujian masih diamalkan walaupun kadar penerimaan pujian lebih tinggi kerana amalan kesantunan berbahasa masih digunakan oleh remaja (Wan Robiah, 2015).

Kajian ini dijalankan oleh Che Othman dan Abdullah (2018) yang bertujuan untuk menyiasat pelbagai jenis respons pujian yang digunakan oleh mahasiswa Melayu di universiti tempatan. Pengkaji ingin melihat konsep respons pujian yang digunakan dalam kalangan mahasiswa yang berbangsa Melayu. Pengkaji telah menggunakan kerangka Herbert (1990) untuk menentukan respons setuju dan tidak setuju yang digunakan. Responden yang dipilih merupakan mahasiswa tahun 2 dalam bidang Sains Gunaan yang berusia 18 -20 tahun yang mengambil kelas bahasa Preparatory English for MUET di sebuah universiti tempatan. Mahasiswa yang terpilih terdiri daripada 15 lelaki dan 15 perempuan. Data diperoleh melalui instrumen Role Play dengan membentuk dua kumpulan yang terdiri daripada 15 lelaki dan 15 perempuan dan memainkan peranan memuji dan merespons pujian. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati wujud persamaan dan perbezaan respons yang diberikan oleh mahasiswa lelaki dan perempuan Melayu. Mahasiswa lelaki dilihat cenderung menerima dan menaikkan diri semasa pujian diberikan manakala mahasiswa perempuan pula lebih ke arah menolak pujian dengan strategi *scaling down*. Disimpulkan bahawa mahasiswa Melayu lelaki dan perempuan menggunakan strategi respons pujian yang berbeza (Che Othman & Abdullah, 2018).

Kajian ini dijalankan oleh Rachman dan Kinanti (2018) yang bertujuan untuk mengetahui strategi merespons pujian yang digunakan oleh mahasiswa IKIP Budi Utomo Malang dan interpretasi kesantunan berbahasa strategi merespons pujian dengan latar belakang suku yang

pelbagai. Pengkaji telah menjalankan kajian dengan metod kualitatif yang berbentuk deskriptif. Data dikumpul dengan melakukan pemerhatian, merekod dan mencatat tuturan respons mahasiswa IKIP Budi Utomo Malang terhadap pujian. Pengkaji melakukan rakaman ketika tuturan pujian dan respons pujian dilakukan secara natural. Berdasarkan hasil penelitian, data menunjukkan bahawa mahasiswa IKIP Budi Utomo Malang menggunakan strategi merepons pujian dengan menolak, menerima pujian, menafsirkan pujian dengan hal lain, merespons dengan diam dan merespons dengan kombinasi strategi. Namun, mereka cenderung ke arah penolakan pujian secara langsung dan tidak langsung. Mereka menolak secara tidak langsung untuk menunjukkan rasa malu dan rendah diri dan sebagai budaya kesopanan. Mereka juga menerima pujian tetapi secara tidak langsung bagi menerapkan kesopanan juga. Keseluruhannya, mahasiswa IKIP Budi Utomo yang pelbagai suku masih menggambarkan pola komunikasi masyarakat, iaitu budaya Timur (Kinanti, 2018).

Kajian ini dijalankan oleh Rosiah (2018) yang bertujuan untuk membandingkan penggunaan strategi respons pujian antara pelajar yang mempelajari bahasa Jepun dengan penutur asli. Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif. Pengkaji telah memilih 20 orang pelajar bahasa Jepun semester lapan Universitas Pendidikan Indonesia dan 20 orang penutur asli yang merupakan mahasiswa Kinjou Gakuin dari Nagoya University. Instrumen terdiri daripada 18 situasi yang direka menggunakan DTC (Discourse Complemente Test). Pengkaji memperoleh 360 data yang dianalisis menggunakan teori Korsatianwon (2003). Berdasarkan dapatan kajian, pelajar bahasa Jepun lebih cenderung menggunakan strategi merespons pujian dengan menolak pujian yang diberikan. Hal ini demikian kerana perkara ini bersesuaian dengan budaya Timur yang kerap menolak pujian sebagai tanda merendahkan diri (Rosiah, 2018). Penutur asli bahasa Jepun pula merespons pujian dengan respons terima kasih yang dilihat bersesuaian dengan konsep Barat dalam merespons pujian sebagai tanda menjaga reaksi positif penutur. Pengkaji menyimpulkan bahawa banyak persamaan strategi respons pujian antara pelajar bahasa Jepun dengan penutur asli Jepun yang dipengaruhi oleh kedekatan budaya antara Jepun dengan Indonesia.

Kajian ini dijalankan oleh Ying (2019) yang bertujuan untuk melihat dan menentukan pengaruh akademik terhadap respons pujian mahasiswa. Ying (2019) menggunakan kaedah Role Play dengan mengadaptasikan senario daripada Discourse Completion Task oleh Tang dan Zhang (2009) yang terdiri daripada 4 situasi. Soal selidik juga diterapkan sebagai instrumen untuk mengumpul data. Lima soalan disertakan dan 4 daripadanya merupakan adaptasi daripada kajian Thevendiraraj (2006). Responden terdiri daripada 30 orang mahasiswa Cina yang terbahagi kepada dua kumpulan (15 satu kumpulan) daripada universiti tempatan Malaysia yang mengambil Ijazah Sarjana Muda dalam Seni & Sains Sosial dan Sains & Teknologi. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan respons pujian yang diberikan kedua-dua kumpulan. Mahasiswa Cina cenderung menggunakan strategi penerimaan pada peringkat makro dan strategi penghargaan pada peringkat mikro. Pengkaji menyimpulkan bahawa mahasiswa Cina tidak gemar merespons pujian dengan strategi menolak pujian. Mahasiswa Cina dipengaruhi oleh penguasaan bahasa Inggeris, kesopanan dan budaya Cina itu sendiri yang memperlihatkan mereka lebih ke arah penerimaan pujian (Ying, 2019).

Kajian yang dijalankan oleh Al Fatah (2020) bertujuan untuk menganalisis tanggapan pujian yang digunakan oleh mahasiswa sarjana Jurusan Bahasa Inggeris Universitas Negeri Semarang terhadap presentasi kelas dan kelancaran berbahasa Inggeris mereka. Kajian ini meneliti kategori respons yang digunakan oleh mahasiswa dan menganalisis respons yang mereka berikan dalam dua bahasa yang berbeza. Metod yang digunakan oleh pengkaji ialah kualitatif. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis tanggapan siswa Jurusan Bahasa Inggeris terhadap pujian yang diberikan kepada mereka secara umum. Reka bentuk bagi kajian ini ialah deskriptif. Al Fatah (2020) telah menggunakan kategorisasi yang dibuat oleh Tran (2007) yang membuat respons menjadi dua kategori strategi utama, iaitu menerima dan menolak. Strategi ini wujud kerana terdapat peralihan bahasa perilaku bahasa pertama (L1) ke bahasa kedua (L2). Berdasarkan hasil yang diperoleh, pengkaji menyimpulkan bahawa bahasa Inggeris digunakan untuk merespons pujian dalam bahasa Inggeris tetapi menggunakan pola perilaku respons pujian bahasa Indonesia. Berdasarkan kategori